



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**JURUTEKNIK TERNAKAN (D.1-2-3 EB.4-5)
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana- mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**JURUTEKNIK TERNAKAN
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
D.1-2-3 EB.4-5 (\$530 - \$1,625 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (02)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) 4 Kepujian / Kredit mata Pelajaran Sijil Am Pelajaran *Brunei-Cambridge* Peringkat Biasa atau sebanding.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.
2. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.
3. Berkebolehan dalam mengendalikan komputer dan mempunyai pengetahuan dalam bidang teknologi komunikasi maklumat (*ICT*) adalah kelebihan.
4. Mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam pengetahuan pengurusan dan pemeliharaan ternakan adalah keutamaan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Menjalankan kerja-kerja pemantauan dan pemeriksaan *post-mortem* dan *ante / mortem* di ladang-ladang ternakan;
2. Menjalankan tugas pemantauan dan *surveillance* serta lawatan di ladang-ladang dan tempat-tempat penyembelihan ternakan;



3. Menjalankan kerja-kerja pemeriksaan ternakan sebelum dan selepas disembelih;
4. Merekodkan bilangan kemasukan dan penyembelihan ternakan di pusat penyembelihan;
5. Memantau kebersihan rumah penyembelihan;
6. Mengambil dan menghantar sampel (*Swab and Product*) ke makmal veterinar;
7. Menyediakan laporan penyembelihan termasuk laporan bulanan, suku dan tahunan; dan
8. Menerima dan melaksanakan tugas atau lain-lain arahan yang diberikan dari semasa ke semasa.